



Perkara mogok telah mencup lagi di Singapura.

Di sana mogok di sini mogok. Dengan adanya cogan-cogan mogok yang tidak putus-putusnya ini maka sudah tentu sulit modal-modal asing akan mau datang ke mari. Orang ada pernah berkata, kalau dahulu pekerja takut kepada majikan tetapi sekarang setiap saat majikan takut kepada pekerja.

Ada majikan yang berhempas-pulas, mau tutup perniagaan tidak ada mata pencarian, mau kurangkan orang kerana tidak ada kerja – tidak boleh kerana itu maka majikan sesetengah gila. Inilah yang dikatakan oleh Almarhum Tuan Haji Abdul Rahim Kajai – **terbalik!**

* * *

Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah banyak berkata-kata tentang gerak-geri Tuan Lim Chin Siong dan kawan-kawannya. Beliau mengatakan bahawa gerakan Tuan Lim adalah sekarang sebagai Komunis yang berterang-terang. Komunis itu adalah bekerja untuk penjajah sedang negara Singapura tidak mau dijajah. Kalau sudah memandang Komunis berbahaya orang-orang hanya bertanya mengapa hanya berkata tetapi tidak beramal? Perdana Menteri Lee boleh menjawabnya, kerana ia ada mempunyai kuasa melaksanakan sesuatu.

* * *

Pejabat Agama Kelantan telah mengeluarkan perintah supaya imam-imam masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Kelantan supaya jangan sembahyang di masjid-masjid yang dibina dengan wang loteri kerana wang loteri itu haram, ada orang memandang langkah ini gopoh – tidak menunggu keputusan daripada Persidangan Raja-raja Melayu. Kalau pandangan ini dijawab tentunya begini. Soal ini telah lama masanya – apakah mesti bersabar

juga? Lagipun soal halal haram – apakah yang demikian mesti ditunggu-tunggu lagi – *mā shā'a Allāh!*

* * *

Dalam perkara masjid dari duit loteri ini Tengku mengatakan bahawa tindakan Pejabat Agama Kelantan itu akan menjadikan orang-orang Melayu dan Islam Kelantan sendiri yang akan menderita akibat tindakan itu. Penderitaan apa yang akan terbit? Orang-orang bertanya. Apakah selama ini dan selama masa yang telah lalu masjid tidak dapat dibina oleh orang-orang Islam? Masih ada orang-orang Islam di Tanah Melayu ini yang tidak mau mengambil keuntungan daripada wang-wang yang ada syubhah di dalamnya untuk kerja-kerja yang “bermanfaat” pada seimbas mata apalagi di dalam hal membina tempat menyembah Allah.

* * *

Ada orang berkata: Sekolah agama itu adalah tempat bagi orang-orang atau kanak-kanak mempelajari atau mengetahui di antara yang halal dan yang haram. Apakah di tempat yang dibina daripada wang yang haram itu mereka hendak mempelajari halal dan haram? Tepat Bung!

* * *

Seorang yang menamakan dirinya “seorang pendengar” telah menulis mencela dan memecat orang-orang yang balik haji suka mau mati di Mekah dan suka membawa balik air zamzam. Kalau ia mau tau mengapa orang mau mati di Mekah ialah kerana orang berharap jenazahnya akan disembahyangkan oleh beratus-ratus ribu orang di Bayt Allāh, mudah-mudahan di antaranya ada yang makbul doanya; dan mengenai air zamzam – Nabi sendiri memberi petunjuk air itu air suci yang banyak khasiatnya dan baginda sendiri pernah membawanya ke mana-mana. Kalau tidak mengikut ajaran Nabi ajaran siapa lagi? Apakah ia mau bawa air yang diistilahkan orang-orang moden “air zamzam” dari Barat? Apakah air zamzam Barat ini yang sedap dan berkhasiat besar sebagai punca segala maksiat? *Mā shā'a Allāh*, barangkali orang ini telah kebarat-baratan. Bertaubat bung! Bertaubat!

Cemeti al-Farouk.